

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful keluarga anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**



Tarikh: 1/1/2026

1

Apakah IKHLAS Ilhamku?

IKHLAS Ilhamku adalah produk takaful endowmen yang menawarkan perlindungan takaful untuk 15 tahun. Amaun perlindungan akan dibayar kepada peserta takaful apabila orang yang dilindungi meninggal dunia dalam tempoh sijil takaful. Sijil ini juga menyediakan manfaat istimewa seperti ganjaran kecemerlangan, pembayaran khas dan pembayaran nilai dana.

Konsep syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- **Tabarru'** – derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama dalam kalangan peserta-peserta takaful dan akan digunakan untuk membantu semua peserta-peserta takaful yang ditimpa musibah atau keadaan yang telah dipersetujui dahulu. Kadar adalah berdasarkan jantina, umur semasa, kadaran kelas pekerjaan dan faktor-faktor lain. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam dana risiko.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

Nota: "pihak syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

2

Kenali Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan asas sebanyak RM150,000 dan lain-lain rider (jika ada) yang dilampirkan pada pelan ini untuk lelaki berumur 10 tahun yang sihat, tempoh perlindungan 15 tahun dan **RM1,953.00** tahunan, anda akan menerima **manfaat** takaful keluarga berikut:

Manfaat Kematian	RM150,000 + dana individu peserta (PIF) (jika ada)
Manfaat Ganjaran Kecemerlangan	Pendidikan: RM1,000 Pengajian Berkaitan Al-Quran: RM1,500 Berasaskan Kemahiran: RM1,000
Pembayaran Khas	RM150 or 10% dari dana individu peserta (PIF), yang mana yang lebih tinggi
Pembayaran Nilai Dana	Bayaran nilai dana sebanyak RM5,000 akan dibayar pada tarikh ulang tahun sijil takaful apabila umur orang yang dilindungi hari jadi berikutnya (ANB) ialah 25.
Simple Payor Rider	Sila rujuk ilustrasi manfaat

Pengecualian takaful keluarga anda termasuk:

- Manfaat kematian tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung akibat daripada membunuh diri sama ada siuman atau tidak siuman dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh sijil takaful dikeluarkan atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
+603-2723 9696



Lawati kami di:
<https://www.takaful-ikhlas.com.my/category/saving/product/ikhlas-ilhamku>



E-mel kami di:
ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my



Imbas kod QR
di atas

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda mesti membayar sumbangan takaful sebanyak:							
Sumbangan	RM1,953.00 Tahunan						
Tempoh: sehingga umur 25 tahun							
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:							
Duti Setem	N/A						
Yuran Wakalah	29.7% daripada sumbangan atau RM8,700.03						
Caj lain yang berkenaan	i) Caj Sijil Takaful <table border="1"> <thead> <tr> <th>Mod Sumbangan</th><th>Caj Bulanan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Tahunan</td><td>RM8</td></tr> <tr> <td>Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan</td><td>RM10</td></tr> </tbody> </table> ii) Yuran Pengeluaran Sebahagian*: RM50 untuk setiap transaksi iii) Yuran Serahan*: RM100 iv) Yuran Peguatuasaan Semula*: RM15 v) Caj Pengurusan Lebihan: 50% dari lebihan boleh-agih kasar vi) Yuran Prestasi Pelaburan: 30% dari pendapatan pelaburan PIF <i>* Yuran ini mungkin akan disemak semula pada masa akan datang dan ianya juga tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.</i>	Mod Sumbangan	Caj Bulanan	Tahunan	RM8	Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan	RM10
Mod Sumbangan	Caj Bulanan						
Tahunan	RM8						
Setengah Tahunan/ Suku Tahunan/ Bulanan	RM10						

4

Syarat utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau sijil takaful dibatalkan.
- Sekiranya kami tidak menerima sumbangan takaful pada tarikh akhir sumbangan dan dengan syarat amaun di dalam PIF adalah mencukupi, amaun dalam PIF akan ditolak untuk tabarru' dan caj sijil sehingga amaun dalam PIF tidak lagi mencukupi untuk membayar caj-caj tersebut. Sekiranya berlaku, sijil takaful anda akan luput.
- Tempoh ehsan adalah selama tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan takaful untuk membayar sumbangan takaful anda.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

?

Bolehkan sijil takaful ini dibatalkan?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan mengembalikan sijil takaful tersebut dalam tempoh 15 hari selepas sijil takaful anda diterima. Sumbangan yang telah anda bayar (selepas ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- **Notis Bertulis:** Sekiranya anda mendapati bahawa pelan yang telah anda pilih tidak lagi bersesuaian pada masa hadapan, anda boleh menyerahkan sijil takaful dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Pihak syarikat akan memulangkan amaun terkumpul dalam PIF, jika ada, selepas ditolak yuran serahan. Sijil takaful termasuk semua rider yang dilampirkan kepada pelan asas ini (jika ada) akan ditamatkan

Manfaat yang layak dibayar di bawah sijil takaful ini dilindungi oleh PIDM sehingga had. Sila rujuk kepada Risalah 'PIDM's TIPS' atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas Family Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:

Tarikh: